



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENGURUSAN RISIKO TERHADAP PENGURUSAN KEMUDAHAN KOMPLEKS
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI DAN KOMPLEKS RAKAN MUDA DI MALAYSIA:
SATU PERBANDINGAN**

JAFFRY BIN ZAKARIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
IV

ABSTRAK

Ancaman keselamatan merupakan antara perkara yang penting dan menjadi indikator terhadap penglibatan masyarakat dan individu dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Melalui beberapa kajian yang dijalankan di negara ini, menjelaskan bahawa setakat dan sehingga hari ini masih lagi belum ada model pengurusan risiko yang khusus yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, sekolah, tenaga pengajar dan pensyarah sukan yang berkaitan dengan pengurusan risiko dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Mereka hanya menggunakan pengalaman yang sedia ada berdasarkan pembacaan dalam melaksanakan pengurusan risiko. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan risiko kemudahan sukan dan rekreasi yang diuruskan oleh Kompleks Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS) dan Kompleks Rakan Muda (KRM) di Malaysia. Pemilihan sampel daripada populasi adalah berjumlah (N=31) dengan perincian JBS (N=15) dan KRM (N=16) telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi melalui teknik-teknik analisis data yang spesifik seperti ujian-t, Multivariat Analysis of Variance (MANOVA) dan juga kaedah regresi berganda telah digunakan bagi melihat perbandingan di antara kompleks tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek amalan pengurusan risiko pelan kecemasan. Manakala dapatan kajian juga menunjukkan pelan kecemasan dan rekabentuk kemudahan merupakan faktor penyumbang utama amalan pengurusan risiko kemudahan. Kajian juga menunjukkan bahawa kompleks JBS negeri menunjukkan interpretasi tahap penarafan yang tinggi untuk proses pemeriksaan, prosedur penyelenggaraan, rekabentuk kemudahan, pengurusan program dan maklumat pengguna. Walau bagaimanapun kompleks rakan muda pula menunjukkan interpretasi tahap penarafan yang sederhana untuk kakitangan pengurusan, pelan kecemasan, pengurusan program, maklumat pengguna dan polisi insurans. Dapatkan kajian ini, memberi panduan kepada pentadbir-pentadbir sukan agar sentiasa mengambil berat tentang amalan pengurusan risiko. Implikasi serta cadangan kajian telah dibincangkan agar dapat disesuaikan dengan situasi pengurusan kemudahan di Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

RISK MANAGEMENT PRACTICES TOWARDS FACILITIES MANAGEMENT IN KOMPLEKS JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI AND KOMPLEKS RAKAN MUDA IN MALAYSIA: A COMPARISON

ABSTRACT

Safety threat is an important issue and become an indicator towards individuals and society's involvements in sports and recreation activities. Based on previous studies reported that until today, a specific risk management model is still unavailable. Risk management is only practiced through experiences based on reading and common practices only. This study is performed to identify the risk management practices on sports and recreation facilities managed by Kompleks Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS) and Kompleks Rakan Muda (KRM) in Malaysia. This study also looks into the differences on risk management practices that are being exercised by various facilities management. Sample selection from population in this study ($N=31$) were from JBS ($N=15$) and (KRM) ($N=16$). Descriptive and inferential statistic methods were used for data analysis where, Multivariate Analysis of Variance (MANOVA), and Multiple Regression Analysis were used to study the comparison between all complexes. From the result, there was significance of difference is observed only in the aspect of emergency plan. Meanwhile, result showed that emergency plan and facility design are the main contributors to facility risk management practices. Result also showed that JBS Complex showed high ranking interpretation rate level for inspection process, maintenance procedure, facility design, program management and user information. In the meantime, for Kompleks Rakan Muda, result showed medium ranking interpretation rate level for staffs management, emergency plan, program management, user information and insurance policy. Findings from this study could provide guidance to the sports administrators for them to be aware and always concern about risk management practices. Implications and suggestions were discussed in order for it to be adapted to the facility management situation in Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Rasional Kajian	20
1.5 Tujuan Kajian	21
1.6 Objektif Kajian	23
1.7 Persoalan Kajian	23
1.8 Hipotesis Kajian	24
1.9 Kerangka Konseptual kajian	27
1.10 Kepentingan Kajian	32
1.11 Batasan Kajian	33
1.12 Definisi Operasional	34
1.12.1 Amalan pengurusan risiko	34
1.12.2 Risiko	35
1.12.3 Pengurusan Kemudahan	35
1.12.4 Jabatan Belia dan Sukan (JBS)	35
1.12.5 Kompleks Rakan Muda	35
1.12.6 Proses Pemeriksaan	36
1.12.7 Prosedur Penyelenggaraan	36





1.12.8	Kakitangan Pengurusan	36
1.12.9	Pelan Kecemasan	36
1.12.10	Reka bentuk Kemudahan	37
1.12.11	Pengurusan Program	37
1.12.12	Maklumat Pengguna	37
1.12.13	Polisi Insurans	37
1.13	Rumusan	38

BAB II ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Definisi Risiko dan Pengurusan Risiko	39
2.3	Kajian Bidang Pengurusan Risiko Di Malaysia	41
2.4	Kajian bidang Pengurusan Risiko Di Luar Negara	45
2.5	Kepentingan Penyelidikan Dalam Bidang Pengurusan Risiko	51
2.6	Perkembangan Pengurusan Risiko Di Malaysia	52
2.7	Pengurusan Risiko Di Kemudahan Sukan dan Rekreasi	55
2.7.1	Pengurusan Risiko	59
2.7.2	Amalan Pengurusan Risiko Kemudahan Sukan dan Rekreasi	60
2.7.3	Kaedah Amalan Pengurusan Risiko	61
2.7.4	Penilaian Amalan Pengurusan Risiko	65
2.8	Model-Model Pengurusan Risiko	66
2.8.1	Model Kaiser (1986)	66
2.8.2	Model Berlonghi (1990)	68
2.8.3	Model Head dan Horn (1991)	70
2.8.4	Model Mulrooney (1998)	71
2.8.5	Model Clement (1998)	73
2.9	Elemen Amalan Pengurusan Risiko Kemudahan Sukan dan Rekreasi	75
2.9.1	Proses Pemeriksaan	76
2.9.2	Prosedur Penyelenggaraan	76
2.9.3	Kakitangan Pengurusan	77
2.9.4	Pelan Kecemasan	77
2.9.5	Reka Bentuk Kemudahan	78
2.9.6	Pengurusan Program	79
2.9.7	Maklumat Pengguna	79
2.9.8	Polisi Insurans	80





2.10	Faktor Demografi Kakitangan	80
2.11	Faktor Demografi Kemudahan	81
2.12	Teori Pengurusan Risiko	82
	2.12.1 Teori Penyebab Kemalangan Domino (1920)	83
	2.12.2 Teori Faktor Manusia Ferrel (1997)	85
	2.12.3 Teori Kemalangan Petersen (1982)	86
2.13	Kerangka Teoritikal Kajian	87
2.14	Rumusan	90

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	92
3.2	Reka Bentuk Kajian	92
	3.2.1 Validiti dan Kesahan Muka	97
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	99
	3.3.1 Responden Kajian	100
	3.3.2 Pensampelan	100
3.4	Lokasi Kajian	101
3.5	Instrumen Kajian	103
3.6	Kajian Rintis	105
3.7	Tatacara Pemerolehan Data	109
3.8	Tatacara Penganalisisan Data	109
	3.8.1 Analisis Deskriptif	109
	3.8.2 Analisis Inferensi	110
3.9	Rumusan	111

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Dapatan Analisis Deskriptif	114
4.3	Dapatan Analisis Inferensi	127





4.3.1	Tahap amalan pengurusan risiko kemudahan	127
4.3.2	Perbezaan amalan pengurusan risiko kemudahan	131
4.3.3	Perbandingan tahap amalan berdasarkan konstruk	132
4.3.4	Analisis konstruk kakitangan pengurusan	134
4.4	Rumusan Dapatan Analisis Setiap Konstruk	138
4.5	Tahap Amalan Berdasarkan Faktor Demografi Responden	139
4.6	Tahap Amalan Berdasarkan Demografi Kemudahan	160
4.7	Faktor-Faktor Yang Memberi Sumbangan Yang Besar	173
4.8	Rumusan	176

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	178
5.1.1	Ringkasan Kajian	178
5.2	Perbincangan Analisis Deskriptif	180
5.3	Perbincangan Tahap Amalan Pengurusan Risiko Kemudahan	183
5.4	Perbincangan Perbezaan Tahap Amalan Pengurusan Risiko Berdasarkan Konstruk	186
5.5	Perbincangan Faktor Demografi Kakitangan	192
5.6	Perbincangan Faktor Demografi Kemudahan	198
5.7	Perbincangan Faktor Yang memberi Sumbangan Yang Besar	201
5.8	Rumusan Keseluruhan Hasil Dapatan Kajian	204
5.9	Implikasi Terhadap Penyelidikan	206
5.10	Cadangan kepada pengguna dan Masyarakat	207
5.11	Cadangan kepada industri	209
5.12	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	210
5.13	Cadangan Kepada Pihak Yang Berkepentingan	213
5.14	Penutup	219
	RUJUKAN	220





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi**LAMPIRAN****233**

Lampiran A Borang soal selidik 233

Lampiran B Senarai Kompleks JBS Negeri dan Kompleks Rakan Muda 246

Lampiran C Surat kebenaran dan surat terjemahan soal selidik 248

Lampiran D Surat kelulusan pembentangan seminar 249

Lampiran E Penulisaan dipersidangan sepanjang pengajian 251

Lampiran F Penulisan jurnal sepanjang pengajian 316

Lampiran G Slide pembentangan viva 364



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Halaman	
1.1	Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti	11
2.1	Model Analisis Kecederaan Dalam Sukan dan Rekreasi	58
2.2	Model Pengurusan Risiko Kaiser (1986)	67
2.3	Model Pengurusan Risiko Clement (1998)	74
2.4	Model teori penyebab kemalangan domino	85
2.5	Teori Faktor Manusia Ferrel	86
2.6	Kerangka Teoritikal Kajian	89
3.1	Proses Kajian	95
3.2	Perkembangan Instrumen Kajian	99
4.1	Demografi kumpulan jantina responden	117
4.2	Demografi kumpulan umur responden	118
4.3	Demografi tahap pendidikan tertinggi responden	119
4.4	Demografi bidang pengkhususan responden	120
4.5	Demografi tahun pengalaman bekerja responden	121
4.6	Demografi jangka hayat kemudahan	123
4.7	Demografi jumlah kemudahan seliaan responden	124
4.8	Demografi jumlah kakitangan	125
4.9	Demografi proses penyelenggaraan kemudahan	127
4.10	Rajah taburan skor soal selidik	174

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi 2010	10
Jadual 2.1	Kemalangan Industri di Malaysia (2006-2010)	43
Jadual 2.2	Kemalangan Mengikut Industri di Malaysia tahun 2010	44
Jadual 2.3	Matrik Pengurusan Risiko	72
Jadual 3.1	Peratusan penilaian responden terhadap elemen utama	98
Jadual 3.2	Senarai lokasi kemudahan sukan dan rekreasi	102
Jadual 3.3	Skala Likert	104
Jadual 3.4	Bilangan soalan mengikut faktor	104
Jadual 3.5	Frekuensi responden mengikut pusat-pusat yang terlibat	106
Jadual 3.6	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Setiap Item	108
Jadual 4.1	Kompleks yang terlibat dalam kajian	115
Jadual 4.2	Taburan demografi kumpulan jantina responden	116
Jadual 4.3	Taburan demografi kumpulan umur responden	117
Jadual 4.4	Taburan demografi tahap pendidikan tertinggi responden	118
Jadual 4.5	Taburan demografi bidang pengkhususan responden	119
Jadual 4.6	Taburan tahun pengalaman bekerja	121
Jadual 4.7	Taburan demografi jangka hayat kemudahan	122
Jadual 4.8	Taburan demografi jumlah kemudahan seliaan responden	124
Jadual 4.9	Taburan demografi jumlah kakitangan	125
Jadual 4.10	Proses penyelenggaraan kemudahan	126
Jadual 4.11	Skor min tahap amalan pengurusan risiko kemudahan	128
Jadual 4.12	Tahap amalan pengurusan risiko berdasarkan elemen	129
Jadual 4.13	Tahap amalan pengurusan risiko kemudahan Kompleks Rakan Muda	130
Jadual 4.14	Keputusan keseluruhan penarafan setiap elemen bagi kompleks JBS negeri dan Kompleks Rakan Muda	131
Jadual 4.15	Perbezaan amalan pengurusan risiko kemudahan antara kompleks	132
Jadual 4.16	Analisis konstruk proses pemeriksaan	133
Jadual 4.17	Analisis konstruk prosedur penyelenggaraan	134
Jadual 4.18	Analisis konstruk kakitangan pengurusan	134
Jadual 4.19	Analisis konstruk pelan kecemasan	135



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pendahuluan kepada bab ini akan membincangkan berkaitan kajian yang akan dijalankan. Di dalamnya menerangkan latar belakang, pernyataan masalah, rasional kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, limitasi kajian dan rumusan kepada bab ini. Kajian ini juga memberikan penumpuan kepada melihat amalan pengurusan risiko berkaitan pengurusan kemudahan sukan dan rekreasi di Malaysia. Secara dasarnya terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di luar negara mengenai amalan pengurusan risiko seperti Carroll & Baker (2006), Connaughton, Spengler & Zhang (2007), Cotton & Young (2007), Finch, Donaldson, Otago & Mahoney (2009), Mathers, Stevenson & Begg (2000). Namun di Malaysia jumlah penyelidikan berkaitan pengurusan risiko sukan dan rekreasi adalah amat terhad sekali.

Pengurusan risiko telah dibangunkan sebagai konsep dari tahun 1950-an dan telah dimulakan berkaitan dengan program-program angkasa, kewangan dan tenaga nuklear (Eriksson 2010). Satu lagi perkembangan awal pengurusan risiko adalah di dalam industri insurans dan kemudiannya digunakan untuk disiplin lain seperti projek pembinaan, klinikal, perubatan, tenaga dan pengurusan risiko operasi (Hopkin 2010). Pengurusan risiko juga telah dimasukkan dalam acara sukan dan kini merupakan sebahagian elemen penting dalam program sukan secara keseluruhan termasuk belanjawan, penjadualan, perlindungan insurans, kelayakan, peralatan dan pengurusan kemudahan, kontrak dan tugas-tugas lain (Appenzeller 2005).





Pengurusan risiko merupakan faktor utama yang mempengaruhi dan memberi implikasi terhadap status keselamatan dan sememangnya boleh mengundang kepada kecederaan. Kadar kemalangan dalam persekitaran sukan dan rekreasi yang semakin meningkat boleh memberi kesan yang buruk kepada industri. Statistik menunjukkan peningkatan yang berlaku ini telah memberikan kesan kepada industri yang mana boleh menyebabkan industri ini lemah akibat tiada permintaan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan (Paul 2012). Pihak pengurusan kemudahan seharusnya mematuhi garis panduan industri berkaitan pengurusan risiko dalam melindungi pengguna, pekerja dan kemudahan itu sendiri (Hayslett & Anaza 2015).

Masalah yang timbul berkaitan isu keselamatan dan kecederaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor dalam amalan pengurusan risiko seperti tiada pemantauan daripada aspek alatan, kemudahan terlalu uzur, jurulatih yang kurang bertauliah, jurulatih bukan bidang serta tidak menyediakan kemudahan perubatan yang sempurna (Richard 2005).



Peningkatan jumlah kompleks sukan dan rekreasi juga menjadi antara salah satu punca masalah berkaitan keselamatan dalam persekitaran sukan dan rekreasi. Statistik telah menunjukkan bahawa peningkatan ini secara tidak langsung mendorong kepada perlumbaan untuk mendapatkan peserta melalui perkhidmatan yang disediakan. Pelbagai perkhidmatan sukan dan rekreasi ditawarkan dan berkemungkinan tahap kualiti yang ditawarkan tidak mengikut piawai yang telah ditetapkan oleh badan yang bertauliah dan diiktiraf. Mengikut data statistik yang diperoleh dalam laporan Banci Ekonomi 2011 bagi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa aktiviti sukan, hiburan dan rekreasi telah menunjukkan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu 5,619 pertubuhan yakni sebanyak 89.1 peratus jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang lain seperti kesenian, kebudayaan dan juga muzium (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011).

Senario di Malaysia, masalah berkaitan amalan pengurusan risiko telah menjadi satu kebimbangan dan kes berkaitan kecederaan semakin mendapat liputan pihak media. Memandangkan kekerapan kemalangan yang tinggi dalam program sukan ianya telah menimbulkan pelbagai komplikasi yang negatif. Komplikasi yang



negatif ini adalah kebimbangan penjaga dan ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi kerana dikhuatiri mendatangkan risiko kecederaan (Mawarni, Mohd Sofian, Lee, Zarina & Rosli 2006)

Perkhidmatan sukan dan rekreasi yang terurus dan terancang dapat membantu meminimumkan risiko berkaitan keselamatan kepada individu dan peserta yang terlibat. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan dalam bidang pengurusan risiko menjelaskan kepentingan amalan pengurusan risiko yang baik dapat mengelakkan peserta dan individu daripada risiko kecederaan. Kebiasaannya, senario yang dapat dilihat di Malaysia sendiri ialah tindakan pemantauan, penyelenggaraan dan perancangan pengurusan yang dibuat bagi mengelakkan kemalangan dan kecederaan (Jamliah Abdullah 2014). Manakala, kajian yang berkaitan pengurusan risiko dalam aktiviti sukan dan rekreasi masih lagi berkurangan di negara ini (Mawarni et al. 2006). Kebanyakan kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa amalan pengurusan risiko yang baik dapat mengelakkan daripada risiko kecederaan. Melalui kajian yang telah dijalankan lokasi sukan dan rekreasi merupakan antara tempat yang kerap berlakunya kemalangan dan kecederaan (Mawarni et al. 2006).

Masalah berkaitan amalan pengurusan risiko ini sememangnya secara tidak langsung mempengaruhi penglibatan individu dan peserta dalam perkhidmatan sukan dan rekreasi. Jika perkara ini dibiarkan berlarutan, kelak di kuatir bahawa kewenangan kerajaan dalam menggalakkan penglibatan masyarakat melalui sukan dan rekreasi dalam kalangan masyarakat tergendala dan sekali gus menyumbang kepada pelbagai masalah sosial yang lain. Pengurusan risiko amat penting dalam menyediakan persekitaran sukan yang selamat dan organisasi sukan boleh mengurangkan liabiliti undang-undang serta meningkatkan reputasi organisasi (Fatimah, Mohd Ali & Ahmad 2013).

Merasakan diri dan anggota fizikal badan yang lain selamat juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi individu untuk menyertai aktiviti sukan dan rekreasi. Tahap keselamatan individu adalah berbeza-beza antara satu sama lain dan bergantung mengikut situasi dan persekitaran semasa. Keselamatan selalunya dapat didefinisikan sebagai satu keadaan yang bebas daripada bahaya yang terdapat di

persekitaran individu. Keselamatan merupakan satu keadaan di mana situasi tersebut tidak akan mendatangkan apa-apa risiko sama ada kemalangan, kecederaan ataupun kematian (Mohd Asrul Rafiin 2005). Jika aspek keselamatan tidak diambil berat maka iaanya mendatangkan masalah dan musibah kepada individu dan peserta dalam aktiviti yang dijalankan. Strategi pengurusan risiko yang efektif dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan di kemudahan-kemudahan sukan (Hayslett & Anaza 2015).

Malaysia seringkali menghadapi masalah berkaitan amalan pengurusan risiko dan juga prosedur keselamatan sama ada dalam perkhidmatan sukan, rekreasi serta industri. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan juga dipengaruhi oleh sikap segelintir individu dalam masyarakat yang kurang mementingkan elemen keselamatan yang boleh mengundang kecederaan. Beberapa badan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti *National Institutes of Occupational Safety and Health (NIOSH)* dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sentiasa menganjurkan kempen-kempen, kursus-kursus, panduan dan nasihat berkaitan kepentingan keselamatan. Perkara ini secara tidak langsung bertindak sebagai salah satu proses jangka panjang dalam membentuk sikap individu untuk lebih menitikberatkan soal keselamatan dalam setiap aktiviti yang di anjurkan.

Berdasarkan pada tinjauan dan statistik yang diperoleh menunjukkan berlaku peningkatan dalam jumlah kemalangan yang berlaku dalam semua industri termasuk industri sukan dan rekreasi. Bermula dari tahun 2008 sehingga tahun 2012 peningkatan jumlah kemalangan secara mendadak berlaku dan dilaporkan dalam laporan tahunan yang dikeluarkan. Pada tahun 2008 jumlah kemalangan melaporkan sebanyak 54, 133 kemalangan, tahun 2009 melaporkan sebanyak 55, 186 kemalangan, tahun 2010 melaporkan sebanyak 57, 639 kemalangan, 2011 sebanyak 59, 897 kemalangan dan 2012 sebanyak 61, 552 kemalangan dilaporkan (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011).

Terdapat banyak elemen dan faktor yang menjadi punca atau sebab kes kemalangan ini berlaku. Ketiadaan garis panduan yang lengkap dan teratur tentang amalan pengurusan risiko merupakan antara faktor yang dikenal pasti. Negara-negara maju seperti New Zealand dan Australia telah lama mempraktikkan amalan pengurusan risiko yang standard. Ini menunjukkan bahawa, organisasi yang

menawarkan atau menjalankan perkhidmatan sukan dan rekreasi memerlukan satu garis panduan yang standard kerana ianya sangat penting untuk di aplikasikan. Namun berbeza dengan senario di Malaysia di mana organisasi tidak mempunyai amalan yang standard untuk di amalkan di kompleks sukan dan rekreasi (Fatimah & Ahmad 2012). Perkara ini secara tidak langsung membataskan usaha untuk mewujudkan konsep '*zero risk*' dalam perkhidmatan sukan dan rekreasi dalam usaha menggalakkan lebih ramai masyarakat menyertai aktiviti yang disediakan di kemudahan-kemudahan sukan.

Sebilangan besar komuniti sukan dan rekreasi sedar kepentingan menjaga keselamatan dalam setiap apa jua aktiviti yang dijalankan. Namun terdapat juga segelintir masyarakat yang masih lagi tidak mementingkan keselamatan ketika berada di kemudahan sukan. Budaya menganggap semua perkara adalah mudah dan remeh perlu dikikis agar aspek pengurusan risiko dapat ditingkatkan dalam menjaga keselamatan dan mengelakkan diri dari risiko kecederaan. Kemudahan sukan dan rekreasi yang bertaraf antarabangsa dan alatan yang bernilai jutaan ringgit tidak menjamin keselamatan dalam setiap perkhidmatan atau aktiviti yang dijalankan. Kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko yang boleh memberi implikasi kepada keselamatan ini perlulah dipupuk dalam diri pihak pengurusan seperti jurulatih dan pengurus agar budaya positif ini menjadi perisai dalam menjalankan aktiviti. Namun secara asasnya, komuniti sukan dan rekreasi di Malaysia masih lagi ketinggalan dalam aspek amalan pengurusan risiko dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Kurangnya ilmu pengetahuan dan kelemahan dalam bidang pengurusan menyebabkan pengurusan risiko kurang di beri perhatian yang sewajarnya oleh masyarakat Malaysia (Cheng & Hamzah 2013).

Bidang dan industri sukan dan rekreasi di Malaysia sememangnya memerlukan pengurusan yang beretika dan mengamalkan prinsip-prinsip dan amalan pengurusan risiko yang positif. Perkembangan elemen yang positif ini membantu melonjakkan prestasi ekonomi negara dalam bidang sukan dan rekreasi sekali gus secara tidak langsung memberi impak yang kuat kepada industri pelancongan sukan negara. Menurut Sharp, Moorman & Claussen (2010), keselamatan merupakan '*core value*' organisasi dalam memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada pengguna.



Kecederaan dan kemalangan dalam persekitaran sukan dan rekreasi sememangnya tidak dapat dielakkan jika tidak ditangani dengan baik. Hal ini jelas menuntut pihak yang berwajib untuk membina, mengaplikasikan dan membuat penilaian terhadap polisi pengurusan risiko yang sesuai. Amalan pengurusan risiko yang baik sememangnya bukanlah suatu platform yang dapat menghapuskan jumlah kemalangan tetapi hanya berfungsi sebagai pencegahan dalam mengurangkan jumlah kemalangan yang berlaku. Sesetengah kemalangan yang terjadi dan berlaku adalah sesuatu perkara yang di luar jangkaan. Walau apa sahaja pendekatan yang diambil, namun pengguna tetap terdedah kepada risiko yang terjadi. Kaedah yang dapat mengurangkan pendedahan kepada risiko ialah mengurangkan jumlah kecederaan yang boleh dielakkan. Menurut Sharp, Moorman dan Claussen (2010) pengurusan pengurusan kemudahan sukan dan rekreasi melihat amalan pengurusan risiko kemudahan ini sebagai sesuatu yang amat penting dan sememangnya boleh memberi implikasi yang besar kepada perkhidmatan. Perkara ini seiring dalam industri yang sememangnya bergantung kepada perkhidmatan perlulah menyediakan kualiti

perkhidmatan yang baik bagi menjamin kepuasan pelanggan Shemwell, Yavas & Bilgin (1998). Pertalian yang baik antara kualiti perkhidmatan dan '*customer satisfaction*' telah mendapat liputan yang besar dalam komuniti penyelidik yang berkaitan dengan perkhidmatan (Sureshchandar, Rajendran & Anantharam 2002).

Namun, adalah terlalu sukar untuk menetapkan terlalu banyak polisi dalam amalan pengurusan risiko kerana kekangan yang melibatkan pengguna. Kesukaran yang amat ketara adalah merangkumi kemudahan sukan dan rekreasi yang telah uzur dan usang, kurangnya perancangan pengurusan risiko, kurang ilmu pengetahuan dan kekurangan kakitangan yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam pengurusan kemudahan.

Sehubungan dengan itu, faktor yang mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berdasarkan tajuk ini adalah kerana kurangnya kajian dan tiada garis panduan yang jelas berkaitan amalan pengurusan risiko kemudahan dalam persekitaran sukan dan rekreasi di Malaysia.



1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Risiko merupakan sebahagian daripada elemen yang wujud dalam kehidupan manusia. Tanpa menerima risiko untuk jatuh dan cedera, individu tidak dapat belajar untuk menunggang basikal dan menjalankan aktiviti fizikal yang lain. Individu sememangnya mendapat ilmu pengetahuan dan juga berdasarkan pengalaman yang ditempuhi. Dalam perniagaan juga pengurusan risiko amat diperlukan dalam konsep strategi perniagaan. Ini adalah di mana, pelbagai jangkaan dibuat untuk produk supaya dapat bersaing di pasaran dan berkemungkinan juga boleh menyebabkan sesuatu tindakan undang-undang diambil serta risiko kerugian daripada aspek kewangan jika sesuatu produk dan perkhidmatan yang diberi tidak sempurna dan bermutu.

Menurut Bernstein (1996) perkataan risiko berasal daripada perkataan Itali iaitu *risicare* yang membawa maksud berani. Risiko wujud apabila hasil jangkaan yang telah dibuat adalah berbeza dengan jangkaan awal. Risiko adalah merupakan elemen bahaya yang disebabkan oleh sesuatu yang tidak menentu (Appenzeller 1998). Risiko juga adalah berbeza-beza dan bergantung kepada industri dan organisasi itu sendiri.

Appenzeller (1998) menjelaskan bahawa pengurusan risiko merupakan satu istilah yang telah dicipta oleh pakar-pakar yang merangkumi semua strategi yang diperlukan bagi menangani risiko tersebut. Pengurusan risiko telah menjadi sebahagian daripada persekitaran organisasi swasta dan korporat selama bertahun lamanya. Objektif pengurusan risiko adalah untuk memelihara aset dan sumber kewangan organisasi dan untuk mencapai kestabilan kewangan dengan mengurangkan potensi kerugian (Kaiser 1986). Menurut Clement (1998), pengurusan risiko ialah satu proses pengenalpastian, penilaian dan kawalan kehilangan harta benda, pelanggan, pekerja dan orang ramai. Pengurusan risiko juga dapat ditakrifkan sebagai suatu usaha untuk mengurangkan kerugian dan meningkatkan keyakinan orang ramai bahawa aktiviti sukan yang dijalankan adalah selamat (Appenzeller 1998).

Penyertaan masyarakat dalam persekitaran sukan dan rekreasi sama ada formal dan tidak formal telah semakin meningkat saban tahun. Namun begitu, peningkatan ini juga telah menyebabkan beberapa kecederaan berkaitan dengan sukan juga telah

dikenal pasti dan dinyatakan. Pertumbuhan dan penawaran pesat perkhidmatan berkaitan sukan dan rekreasi, peningkatan dalam jumlah bilangan peserta dan juga percambahan tindakan undang-undang berkaitan dengan kecederaan peribadi telah menjadi satu kebimbangan kepada pihak pengurusan pada hari ini (Appenzeller & Lewis 2000).

Namun begitu menurut Leape, Berwick, & Bates (2002) telah menyatakan bahawa kecederaan ini sememangnya boleh dielakkan atau dikurangkan jika aktiviti dan latihan serta penggunaan alatan dapat diurus tadbir dengan baik. Beliau juga menyarankan bahawa penggunaan dan penyelenggaraan peralatan yang lebih baik di samping kempen dalam mempromosikan kepentingan pengurusan risiko dan keselamatan melalui penglibatan jurulatih dan juga pengurus. Dalam mencapai matlamat ini, jurulatih dan pengurus sukan perlulah memahami asas-asas kejurulatihan dan pengurusan risiko terlebih dahulu (Appenzeller & Lewis 2000).

Dalam kebanyakan kes yang berlaku, terdapat organisasi yang menyediakan jurulatih yang tidak bertauliah menjalankan perkhidmatan sukan dan rekreasi kepada peserta-peserta yang baru disebabkan kerana sekadar sukarela. Namun begitu, pada hari ini sukarelawan tersebut telah mengisi peranan yang dimainkan oleh jurulatih, pengurus dan juga pengajar disebabkankekangan kakitangan yang berkurangan. Perkhidmatan sukan dan rekreasi sering kali dilihat sebagai sesuatu yang sangat mudah untuk dijalankan dan diajar. Oleh kerana tanggapan yang berbeza-beza dan salah, ramai individu telah dipilih untuk menjadi kakitangan atau tenaga pengajar bagi menjalankan aktiviti dan perkhidmatan di kompleks-kompleks sukan dan rekreasi yang beroperasi dalam menawarkan produk dan perkhidmatan kepada pengguna. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan masalah di kemudian hari kerana mereka tidak diberikan tunjuk ajar dan mempunyai kemahiran yang betul dan tepat berkaitan aktiviti tersebut terutamanya daripada aspek arahan, komunikasi dan sebagainya. Perkara ini meletakkan peserta dan individu yang terlibat dalam keadaan berisiko setiap kali menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan. Selaras dengan kajian Collin (2007) bahawa risiko kecederaan dalam sukan adalah tinggi, justeru itu pentadbir dan individu yang terlibat harus mempunyai tanggungjawab untuk mengawal dan mengurangkan risiko dengan sebaik mungkin.

Di Malaysia perkhidmatan berasaskan sukan dan rekreasi amat popular dalam kalangan rakyatnya. Ini adalah kerana kesedaran tentang penjagaan kesihatan dan tubuh badan telah menjadi satu keutamaan bagi masyarakat masa kini. Rentetan itu, terbina kemudahan dan kompleks sukan dan rekreasi yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat. Pihak kerajaan juga tidak terkecuali dalam menyediakan kemudahan yang lengkap kepada rakyat, antaranya seperti kompleks Belia dan Sukan negeri, Kompleks Rakan Muda, Gimnasium Rakyat, kompleks sukan komuniti dan lain-lain lagi. Dalam memenuhi dan memberi pengalaman aktiviti kesenggangan, antara cabaran utama kepada organisasi perkhidmatan awam dan swasta ialah menguruskan perkhidmatan yang ditawarkan agar seimbang dengan keperluan individu serta juga mengambil kira faktor keselamatan pengguna.

Kementerian Belia dan Sukan merupakan organisasi yang banyak menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat. Kementerian belia dan Sukan telah secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1964 sempena sambutan Hari Belia pada 15 Mei 1964. Fokus utama kementerian ini adalah mengkhususkan kepada program pembangunan belia dan sukan di seluruh negara melalui cawangan-cawangan Jabatan Belia dan Sukan di setiap negeri. Jabatan Belia dan Sukan negeri berperanan dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi. Setiap kemudahan di semua kompleks JBS negeri ditambah dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Manakala Kompleks Rakan Muda telah diilhamkan melalui Rancangan Malaysia ke Tujuh (1996-2000) dan Rancangan Malaysia ke Lapan (2001-2005). Melalui Rancangan Malaysia ini, pihak kementerian telah bercadang membina 19 buah kompleks Rakan Muda yang 16 buah daripadanya telah pun siap dibina dengan kos mencecah RM 318 juta ringgit. Dengan anggaran RM 17 juta hingga RM 24 juta ringgit setiap satu kompleks dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada golongan sasaran. Pembinaan kompleks ini adalah salah satu inisiatif kerajaan melalui penjenamaan semula program Rakan Muda yang semakin kurang mendapat sambutan di samping meningkatkan perkhidmatan sukan rekreasi kepada masyarakat setempat.

Aktiviti perkhidmatan sukan dan rekreasi merupakan antara industri yang terbesar di Malaysia. Namun begitu, apa yang lebih hebatnya adalah pertumbuhan yang luar biasa dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini selaras dengan laporan Banci Ekonomi 2011 bagi perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) data telah menunjukkan bahawa aktiviti sukan, hiburan dan rekreasi telah menunjukkan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu 5,619 pertubuhan yakni sebanyak 89.1 peratus jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang lain seperti kesenian, kebudayaan dan juga muzium. Jadual 1.1 menunjukkan statistik pendaftaran pertubuhan mengikut aktiviti yang ditawarkan pada tahun 2010.


Jadual 1.1 Statistik Perkhidmatan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi 2010

Jenis Perkhidmatan	Bilangan Pertumbuhan	PETUNJUK UTAMA				
		Nilai Output Kasar (RM juta)	Nilai ditambah (RM juta)	Jumlah pekerja	Gaji & upah yang dibayar (RM juta)	Nilai harta tetap (RM juta)
Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif	287	499	258	1,774	51	45
Aktiviti muzium, rekreasi dan kebudayaan	401	787	447	6,984	145	807
Aktiviti sukan, hiburan dan rekreasi	5,619	14,552	5,080	34,642	579	2,919
Jumlah	6,307	15,839	5,785	43,400	776	3,771

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011

Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengetahui penyumbang kepada pertumbuhan yang positif ini. Antara dapatan yang telah diperoleh ialah mencadangkan pelbagai maklumat antaranya, peningkatan bilangan aktiviti sukan, kecerdasan dan produk rekreasi yang baharu serta berbeza dari yang sedia ada, peningkatan jenis sukan yang sama yang ditawarkan dan peningkatan jumlah kemudahan, acara dan penyertaan peserta. Simmon (2001) telah mencadangkan penentu utama peningkatan penyertaan dalam industri sukan dan rekreasi ialah faktor penuaan, pengkomersilan produk sukan dan penglibatan pihak kerajaan. Rajah 1.1 menunjukkan taburan peratusan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti pada tahun 2010.

Peratusan taburan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti



Rajah 1.1 Peratusan taburan bilangan pertubuhan mengikut aktiviti

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2011

Peningkatan jumlah pendaftaran pertubuhan menunjukkan bahawa permintaan untuk perkhidmatan sukan dan rekreasi mendapat permintaan yang tinggi sama ada daripada aspek produk dan perkhidmatannya. Berkemungkinan juga peningkatan jumlah penawaran ini adalah berkait rapat dengan perkhidmatan yang ditawarkan yakni antara lain pengguna berasa selamat dan selesa dengan persekitaran kemudahan dan kemudahan yang telah disediakan. Perkara ini selaras melalui dasar kerajaan dalam Rancangan Malaysia kesepuluh (2011-2015) di mana fokus kerajaan adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui tumpuan berterusan terhadap

keselamatan awam, penjagaan kesihatan, kesepaduan sosial dan pembangunan sukan. Ini sekali gus mengajak masyarakat untuk menyedari tentang kepentingan konsep “gaya hidup sihat”.

Terdapat beberapa definisi yang amat sesuai dengan pengurusan risiko dan masih relevan sehingga hari ini. Risiko boleh ditakrifkan sebagai bahaya atau kemungkinan pendedahan kepada bahaya (Farmer, Mulrooney dan Amman 1996). Teori mengukur risiko adalah sangat telus dan mudah. Terdapat tiga kaedah asas yang boleh digunakan untuk mengukur risiko iaitu kaedah reaktif, kaedah kebarangkalian kejadian dan kaedah kadar pendedahan relatif (Mitchell dan Feigley 2002). Risiko merujuk kepada kemungkinan kehilangan atau peristiwa buruk yang berpotensi mengganggu kestabilan entiti awam atau keupayaan untuk memenuhi misi yang telah ditetapkan. Risiko adalah kemungkinan kerugian dan kerosakan yang dijangka bakal berlaku (Ministry of Advanced Education 2003).

Pengurusan risiko sememangnya tidak dapat lari dalam penawaran dan perkhidmatan aktiviti sukan dan rekreasi. Elemen dalam aktiviti yang lasak dan aktif sentiasa berhadapan dengan risiko serta cabaran yang di luar jangkauan penggiat. Aktiviti yang terkandung di dalamnya, memerlukan pengguna memiliki kemahiran, pengetahuan, mempunyai ketahanan fizikal yang kuat dan kecerdasan mental yang sempurna.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Bidang berkaitan amalan pengurusan risiko kemudahan sukan dan rekreasi ini merupakan antara masalah yang sedang ditangani oleh setiap pengurusan kemudahan sukan dan rekreasi di negara ini. Kemudahan yang tidak diuruskan dengan baik berasaskan kepada amalan pengurusan risiko yang cekap dan efektif menyebabkan berlakunya kes-kes seperti kecederaan dan kemalangan. Peruntukan kewangan yang besar telah dilaburkan oleh pihak kerajaan dalam memberi perkhidmatan kemudahan sukan dan rekreasi kepada masyarakat yang mana selaras dengan dasar-dasar kerajaan dengan matlamat untuk melahirkan masyarakat yang sihat sejahtera. Sehingga kini,

belum ada hala tuju yang jelas yang dilakukan oleh pihak yang berkepentingan berkaitan perkhidmatan kemudahan sukan dan rekreasi dalam menjamin keselamatan pengguna. Melalui kajian yang telah dijalankan oleh (Fatimah Mustaffa & Ahmad Esa 2013) respons yang telah diberikan oleh guru besar, pensyarah sukan dan setiausaha sukan menjelaskan bahawa setakat dan sehingga hari ini masih lagi belum ada model pengurusan risiko yang khusus yang dikeluarkan oleh kementerian, sekolah, tenaga pengajar dan pensyarah sukan. Mereka hanya menggunakan pengalaman yang sedia ada berdasarkan pembacaan dalam melaksanakan pengurusan risiko.

Berpunca daripada kelemahan amalan pengurusan risiko dalam pengurusan organisasi. Perkara ini merupakan antara kelemahan yang ketara dan utama dalam menyumbang kecederaan dan kemalangan di kemudahan sukan dan rekreasi. Agensi yang bertanggungjawab masih lemah dalam memberi keutamaan terhadap aspek amalan pengurusan risiko. Penumpuan hanya diberikan terhadap penganjuran aktiviti dan juga penyediaan kemudahan-kemudahan rekreasi baru. Perkara ini dapat dilihat setiap kali belanjawan negara dibentangkan oleh Perdana Menteri. Pihak kerajaan lebih cenderung untuk menjalankan dan menganjurkan program-program sukan dan rekreasi terutamanya kepada belia-belia daripada melihat kepada aspek amalan pengurusan risiko yang diamalkan di kemudahan-kemudahan yang disediakan secara berkala secara berkala. Isu ini dijelaskan kerana terdapat pelbagai laporan di akhbar-akhbar dan pihak yang bertanggungjawab berkaitan kecederaan dan kemalangan di persekitaran sukan dan rekreasi. Keadaan ini menjadi lebih negatif apabila kemalangan-kemalangan ini mengakibatkan kematian kepada pengguna mahupun peserta yang menyertai aktiviti dan menggunakan produk dan perkhidmatan yang dijalankan serta berpunca juga daripada penggunaan kemudahan yang disediakan. Badan-badan antarabangsa, kebangsaan dan organisasi sukan di peringkat komuniti seharusnya bekerjasama dalam meletakkan tahap keselamatan dan pengurusan risiko dengan memberi garis panduan yang jelas dan sistematik (Bekker & Finch 2016).

Kejadian dan insiden yang dilaporkan oleh media-media tempatan seperti isu bumbung stadium runtuh (Jamliah Abdullah 2011), velodrom yang tidak di selenggara dengan baik dan isu rumput serta padang yang tidak sesuai telah memberi keresahan kepada pengguna kemudahan. Kejadian penumpang jatuh dan mati di salah sebuah

taman tema ketika menaiki *Runaway Train Ride* juga merupakan antara insiden yang amat malang disebabkan kecuaian (Fabian Koh 2014). Perkara seperti ini menunjukkan ada kemungkinan kelemahan amalan pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalam mengendalikan perkara-perkara berkaitan pengurusan risiko kemudahan. Perkara ini sememangnya memberi satu tekanan yang hebat dalam industri sukan dan rekreasi negara dan telah menjadi satu isu nasional yang mana melibatkan pelbagai pihak.

Permasalahan yang kedua ialah memfokuskan kepada kegagalan pengurusan dalam aspek proses pemeriksaan kemudahan. Kemudahan sukan dan rekreasi yang tidak melaksanakan proses pemeriksaan daripada aspek penggunaan dan jangka hayat mampu mengundang bahaya kepada pengguna. Setiap kemudahan perlu mempunyai jadual pemeriksaan yang disimpan sebagai salah satu senarai semak untuk rujukan pemeriksaan yang seterusnya. Kelemahan aspek ini sememangnya mengundang masalah jika sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku. Perkara ini juga secara tidak langsung memberi implikasi terhadap keselamatan pengguna kemudahan itu sendiri. Pemeriksaan dan penyelenggaraan adalah perlu jika sekiranya ada kerosakan atau sebarang tanda dapat dikesan yang mana mendatangkan kerosakan dan kecacatan. Jika proses ini tidak dijalankan atau dilaksanakan menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti kemalangan, kerosakan dan seumpamanya sama ada untuk tempoh jangka masa panjang atau sebaliknya (Shahrul Bazlin 2003). Manakala Miller dan Gary (2003) dalam penyelidikan berkaitan amalan pengurusan risiko aktiviti pendidikan jasmani menjelaskan bahawa pengurusan yang sempurna dalam setiap program dapat memberi kesan yang positif kepada diri pengguna tetapi jika sebaliknya berisiko mengalami kecederaan.

Permasalahan yang ketiga ialah berkaitan isu prosedur penyelenggaraan oleh pengurusan yang terlibat. Jika prosedur penyelenggaraan kemudahan dijalankan oleh pihak pengurusan sendiri maka setiap prosedur penyelenggaraan perlulah direkodkan agar memudahkan sistem simpanan rekod sedia ada. Namun terdapat juga kemudahan-kemudahan yang diselenggarakan oleh pihak kontraktor yang dilantik kerana terdapat kemudahan yang memerlukan kepakaran yang tinggi dalam aspek penyelenggaraan. Perkara seperti ini tidak hanya memerlukan kepakaran seseorang